

# Malaysia ambil masa lebih lama turunkan harga

**SHAH ALAM** - Malaysia dijangka mengambil lebih masa untuk merasai kesan daripada penurunan harga makanan global termasuk beras dan gandum, meskipun berlaku penyusutan nilai komoditi itu di sejak tujuh bulan lalu.

Felo Perunding dan Pemegang Kursi Keterjaminan Makanan, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia, Profesor Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad berkata, keadaan ini berlaku disebabkan ia bergantung kepada situasi pasaran global dan dalam negeri.

Menurutnya, menjadi kebiasaan kesan kenaikan lebih cepat dirasai pengguna berbanding penurunan yang akan mengambil masa lebih panjang.

"Fenomena ini (penurunan harga makanan dunia) menunjukkan pasaran mulai kembali normal selepas dilanda masalah tiga pandemik secara berlanjutan."

"Tiga pandemik itu ialah Covid-19, perang Rusia dan Ukraine serta perubahan iklim yang telah menyebabkan masalah kepada makanan dunia," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kesan yang diterima Malaysia susulan penurunan harga makanan global yang ditunjukkan ketika ini.

Ditanya syor atau cadangan kepada kerajaan dalam memastikan sekuriti makanan negara kekal berdaya tahan, Fatimah berkata, terdapat beberapa langkah yang boleh dilaksanakan. Antara syor yang dikemukakan beliau ialah melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi serta mencontohi tindakan yang dibuat India yang melaksanakan transformasi pertanian.

"Tiada jalan mudah untuk Malaysia tingkatkan hasil pertanian, selain mempertimbangkan syor yang diberikan ini," katanya.

Menurutnya, sudah tiba masanya juga untuk negara bergerak ke arah dasar baharu bagi menjamin industri dan sekuriti negara.



**FATIMAH**